



**State Mufti's Office**  
*Prime Minister's Office*  
**Brunei Darussalam**

## **BEBERAPA KESILAPAN YANG DILAKUKAN SEMASA BERPUASA RAMADHAN**

### **(Bahagian Pertama)**

*(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

Ramadhan merupakan bulan yang padanya terdapat limpahan keberkatan dan kerahmatan, bulan yang dianggap bonus untuk mengaut ganjaran pahala lebih dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Alangkah ruginya jika tidak direbut peluang ini untuk menebus segala dosa yang boleh membelenggu diri dari redhaNya. Sabda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*:

( )

**Maksudnya:** *“Sesiapa yang menunaikan puasa kerana iman dan mengharapkan pahala dari Allah, nescaya diampunkan dosa-dosanya yang telah lalu.”*

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Ibadat utama yang diwajibkan di bulan ini ialah puasa di setiap siang harinya. Meninggalkan tanpa uzur kewajipan ini bukan sahaja berdosa, bahkan ia tidak boleh ditebus dengan apa jua cara sekalipun sebagaimana sabda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*:

( )

**Maksudnya:** *“Sesiapa berbuka satu hari pada bulan Ramadhan tanpa ada rukhshah (keringanan) dan tidak juga kerana sakit, dia tidak akan dapat melunaskan (mengganti) puasa yang ditinggalkannya itu, sekalipun dia berpuasa seumur hidup.”*

(Hadits riwayat Abu Daud)

Dalam menunaikan ibadah ini, kita umat Islam kadang-kadang ada melakukan kesilapan. Adakalanya, kesilapan-kesilapan tersebut menyebabkan puasa menjadi batal dan ada juga kesilapan yang tidak menyebabkan puasa menjadi batal, akan tetapi mengurangkan pahala atau lebih dikhuatiri akan mendatangkan dosa.

Kesilapan-kesilapan ini pada kebiasaannya berlaku disebabkan oleh kurangnya ilmu pengetahuan dalam perkara yang berkaitan dengan puasa, atau disebabkan oleh kurang prihatin terhadap perkara yang boleh mejejaskan pahala puasa dan hanya fokus kepada perkara yang membatalkan puasa sahaja.

**Untuk memelihara pahala puasa, umat Islam perlu mengelak dari terjebak ke dalam kesilapan-kesilapan. Kita tidak mahu puasa yang ditunaikan hanya mendapat lapar dan dahaga semata-mata. Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:**

( )

**Maksudnya:** *“Berapa ramai orang yang berpuasa tidak mendapat apa-apa daripada puasanya melainkan lapar dan dahaga sahaja.”*

(Hadits riwayat an-Nasa’ie)

Hadits ini memberi peringatan kepada kita untuk lebih berhati-hati supaya tidak menjadi rugi jika berlaku sebarang kesilapan.

Selain perkara-perkara yang membatalkan puasa dan perkara-perkara yang makruh dilakukan ketika berpuasa, antara kesilapan lain yang sering dilakukan samada disedari mahupun tidak ialah:

### **1) Berpuasa tetapi tidak mendirikan sembahyang fardhu**

Kesilapan ini sungguh besar. Walaupun sembahyang fardhu lima waktu tidak termasuk menjadi syarat sah puasa dan meninggalkannya membatalkan puasa, namun ia adalah merupakan salah satu rukun Islam yang sangat dituntut. Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

( )

**Maksudnya:** “Kepala (*inti*) segala perkara di dalam Islam dan tiangnya adalah sembahyang.”

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Sembahyang fardhu lima waktu adalah ibarat tiang sebuah rumah. Bagaimana dinding rumah boleh didirikan selagi tiangnya belum ditegakkan? Jika satu tiang runtuh, yang lain-lain akan pincang dan rumah boleh roboh. Beginilah gambaran apabila seseorang hanya berpuasa tetapi tidak sembahyang.

Orang Islam yang berpuasa menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa seperti makan, minum dan syahwat, sungguhpun pada zahir, puasanya tidak batal dengan meninggalkan sembahyang, namun adakah puasanya itu akan diberi ganjaran pahala dan diterima di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala*?

Dikhawatiri puasanya itu tidak diterima dan tidak mendapat ganjaran pahala.

Ulama sepakat mengatakan bahawa meninggalkan sembahyang dengan sengaja disebabkan malas dan mempermudah-mudahkannya dihukumkan fasiq, menderhaka dan berdosa besar serta boleh mengheret ke gaung neraka. Ini berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

مَا سَلَكَكُمْ فِي سَقَرٍ ﴿٤٣﴾ قَالُوا لَمْ نَكُ مِنَ الْمُصَلِّينَ ﴿٤٢﴾

(43-42: )

**Tafsirnya:** “(Setelah melihat orang-orang yang bersalah itu, mereka berkata): "Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam (neraka) Saqar?" Orang-orang yang bersalah itu menjawab: "Kami tidak termasuk dalam kumpulan orang-orang yang mengerjakan sembahyang;”

(Surah al-Muddaththir: 42-43)

Terdapat beberapa hadits Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* yang menjelaskan kedudukan orang yang meninggalkan sembahyang, antaranya:

( )

**Maksudnya:** “Garis yang memisahkan antara seseorang dengan syirik atau kekafiran adalah meninggalkan sembahyang.”

(Hadits riwayat Muslim)

Di dalam sebuah hadits, Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

( )

**Maksudnya:** “Barangsiapa yang tidak mengerjakan sembahyang fardhu ‘Ashar maka amalannya menjadi kurang dan sia-sia.”

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Berdasarkan hadits ini, ada ulama mengatakan bahawa apabila seseorang itu tidak mendirikan sembahyang, segala kebaikan di sepanjang hari, termasuk ibadat puasa yang dilakukan pada hari tersebut tidak memberi sebarang *manfa'at*, iaitu sia-sia belaka.

Dari itu, jelas kepada kita bahawa ibadat sembahyang bukanlah remeh bahkan asasi.

Kita sebagai umat Islam juga dapat mengambil pertimbangan dari apa yang disabdakan oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* melalui Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, Baginda bersabda:

( )

**Maksudnya:** *“Barangsiapa yang tidak meninggalkan kata-kata dusta dan sebaliknya melakukannya, maka Allah tidak menghendaki (memerlukan lagi) untuk dia meninggalkan makanan dan minumannya.”*

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Hadits ini membawa maksud bahawa tiada faedah atau tidak ada gunanya puasa orang yang berdusta atau berkata nista sedang dia berpuasa. Jika disebabkan berdusta pun puasa ditolak, apatah lagi meninggalkan sembahyang.

## **2) Tidak mengetahui hukum hakam puasa dan tidak bertanya**

Terdapat sebilangan orang Islam yang tidak mengetahui hukum hakam puasa dan menunaikannya hanya kerana mengikut kebiasaan tanpa menghiraukan dan mengetahui perkara-perkara penting yang berkaitan dengan puasa seperti syarat-syarat wajib puasa, syarat-syarat sah puasa, rukun puasa, waktu-waktu berpuasa, perkara-perkara yang membatalkan puasa, perkara-perkara sunat dalam berpuasa, adab ketika berpuasa dan sebagainya.

Ini adalah tidak wajar kerana ia boleh saja membawa kepada ketidaksempurnaan puasanya, bahkan mungkin membatalkannya.

Setiap orang amat dituntut untuk mempunyai ilmu dalam melaksanakan satu-satu ibadat.

Terdapat sebuah hadits menyebutkan akan perlunya mempelajari dan memahami perkara-perkara yang berkaitan dengan puasa agar puasa itu tidak sia-sia dan dapat menebus segala dosa yang ada sebagaimana sabda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*:

( )

**Maksudnya:** *“Barangsiapa berpuasa Ramadhan kemudian mengetahui batas-batas (berpuasa Ramadhan) dan menjaga apa yang semestinya dijaga (berusaha bersungguh-sungguh menjaga diri dari melakukan sesuatu yang merosakkan puasa), maka hal itu akan menjadi penebus dosa-dosa yang pernah dilakukan sebelumnya.”*

(Hadits riwayat Ahmad, al-Baihaqi dan Ibnu Hibban)

*bersambung*